



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai
dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU PEGAWAI LUAR PENERANGAN (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PEGAWAI LUAR PENERANGAN
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Keupujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerangan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berpengetahuan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta mengetahui ejaan jawi dengan baik.
 3. Berkemahiran dalam menggunakan komputer.
 4. Berpengalaman dengan kerja-kerja luar penerangan adalah kelebihan.
 5. Berkemahiran dalam pengendalian seni videografi adalah kelebihan.
 6. Mempunyai Lesen Memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberikan taklimat dan ceramah untuk pelbagai lapisan masyarakat termasuk agensi Kerajaan, Sekolah dan Kampung-Kampung;



2. Bersedia untuk bertugas di luar daerah dan pendalaman pada bila-bila masa diperlukan;
3. Membantu dan menyelaras penggunaan sistem pembesar suara;
4. Mengedarkan akhbar Pelita Brunei di tempat-tempat yang dikhususkan; dan
5. Membantu Jabatan melaksanakan Program-Program Kemasyarakatan dan Kenegaraan.